



15 Jun 2023
15 June 2023
P.U. (A) 185

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2023

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2023**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) perjanjian kemudahan induk berhubung dengan Pembiayaan Berjangka-i Bersindikasi berjumlah tiga bilion lima ratus juta ringgit (RM3,500,000,000.00) yang dibuat antara Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan CIMB Investment Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad dan AmBank Islamic Berhad yang disebut sebagai “Perjanjian Kemudahan Induk” dalam Perintah ini;
 - (b) jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Perjanjian Kemudahan Induk yang disebut sebagai “Jaminan Kerajaan” dalam Perintah ini; dan
 - (c) sijil perpindahan atau dokumen lain berhubung dengan penyerahan, perpindahan atau novasi hak, manfaat atau obligasi di bawah Perjanjian Kemudahan Induk yang disebut sebagai “Sijil Perpindahan” dalam Perintah ini.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan dan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional;
- (b) CIMB Investment Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad atau AmBank Islamic Berhad;
- (c) mana-mana pihak lain kepada Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan termasuk mana-mana pihak lain yang kepadanya Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan dipindahkan, diserahkan atau dinovasikan; atau
- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan termasuk mana-mana pihak lain yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan, diserahkan atau dinovasikan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378] berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan termasuk apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Induk, Jaminan Kerajaan dan Sijil Perpindahan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat pada 31 Mei 2023
[MOF.SID(S)700-14/2/11 JLD 6(4); PN(PU2)232/JLD.17]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [Act 96], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) Order 2023**.

Application

2. This Order shall apply to—
 - (a) the master facility agreement in relation to the Syndicated Term Financing-i Facility amounting to three billion five hundred million ringgit (RM3,500,000,000.00) made between Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional and CIMB Investment Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad and AmBank Islamic Berhad which is referred to as the “Master Facility Agreement” in this Order;
 - (b) the guarantee provided by the Government of Malaysia relating to the Master Facility Agreement which is referred to as the “Government Guarantee” in this Order; and
 - (c) the transfer certificate or other document in relation to the assignment, transfer or novation of rights, benefits or obligations under the Master Facility Agreement which is referred to as the “Transfer Certificate” in this Order.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [Act 53] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate and any agreement, note, instrument and document in relation to the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate shall be remitted in full:

- (a) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional;
- (b) CIMB Investment Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad or AmBank Islamic Berhad;
- (c) any other party to the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate including any other party to whom the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate is transferred, assigned or novated; or
- (d) any other party to any agreement, note, instrument and document in relation to the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate including any other party to whom the agreement, note, instrument and document is transferred, assigned or novated.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate including any agreement, note, instrument and document in relation to the Master Facility Agreement, Government Guarantee and Transfer Certificate shall be remitted in full.

Made 31 May 2023

[MOF.SID(S)700-14/2/11 JLD 6(4); PN(PU2)232/JLD.17]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance